

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

**KAJIAN MENGENAI IDENTITI KORPORAT HOTEL DI MALAYSIA
(KAJIAN KES : HOTEL EQUATORIAL)**

**MOLIN AZWA BT. RAFIE
96890708**

**PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA (GRAFIK)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS ALOR GAJAH
OKTOBER 2000**

KAJIAN MENGENAI IDENTITI KORPORAT HOTEL DI MALAYSIA.
(KAJIAN KES: HOTEL EQUATORIAL)

MOLIN AZWA BT RAFIE
96890708

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Grafik.

- | | |
|-------------------------|--------------|
| 1. Diperiksa oleh | Tarikh |
| 2. Diperiksa oleh | Tarikh |
| 3. Diperiksa oleh | Tarikh |

Dekan
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (Grafik)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Oktober 2000

SINOPSIS.

Kajian ini adalah mengenai kepentingan identiti korporat bagi sesebuah hotel. Kajian menyeluruh dijalankan terhadap kepentingan identiti korporat bagi Hotel Equatorial di Malaysia, khususnya di Bangi dan penggunaan elemen-elemen seni reka dalam menyediakan perkhidmatan dan produk yang berkualiti bukan sahaja untuk pengguna tempatan malah pengguna luar.

Kajian ini dapat menerangkan bagaimana fungsi dan kepentingan identiti korporat Hotel Equatorial terhadap setiap perkhidmatan dan rekaan produk mereka dalam memperkenalkan dan mempromosikan hotel ini di kalangan masyarakat khususnya para pelanggan mereka terutamanya para pelancong sama ada tempatan atau asing. Antaranya promosi perkhidmatan dan penginapan di hotel tersebut dan kemudahan yang disediakan di Hotel Equatorial dalam memperkenalkan identiti mereka kepada para pelanggan. Identiti korporat berkaitan dengan empat konsep utama iaitu daripada sudut persekitaran (*Environment*), Tingkah laku (*Behavior*), Produk dan Komunikasi (*Communication*) di mana ia saling berkaitan dan mempunyai kepentingan tersendiri. Kajian ini juga membincangkan reka bentuk seperti logo dan *brochure* melalui penggunaan elemen-elemen seni reka seperti penggunaan warna, simbol, muka taip dan proses warna yang digunakan dan sebagainya.

Penulis mendapatkan maklumat kaedah pemerhatian dan melalui temu bual yang dijalankan dengan pihak pengurusan Hotel Equatorial dan kakitangan yang terlibat dalam pembikinan setiap rekaan yang dikeluarkan oleh setiap Jabatan yang terdapat di Hotel tersebut. Kaedah soal selidik telah dijalankan dan borang soal-selidik diedarkan bagi mendapatkan peratusan mengenai keberkesanan identiti korporat Hotel Equatorial kepada masyarakat dan terutamanya kepada pengunjung di Hotel tersebut.

Kesimpulannya penyelidikan ini dapat memberi sedikit-sebanyak panduan kepada para pelajar terutamanya mengenai kepentingan elemen-elemen seni reka dalam menghasilkan sesuatu rekaan yang baik, berkualiti dan juga mempunyai nilai-nilai seni yang tinggi. Ia juga dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan masyarakat luar secara amnya. Hasil kajian ini juga dapat menambah pengetahuan para pembaca mengenai kaedah-kaedah sebuah badan korporat khususnya hotel dalam membentuk sebuah identiti syarikat yang mantap dan berkesan. Melalui kajian ini dapat disimpulkan sektor perhotelan mestilah mempunyai suatu identiti korporat yang tersendiri, kukuh serta dapat memperkenalkan sesebuah hotel tersebut di mata masyarakat dengan berkesan.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Halaman Pemeriksa

Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Ilustrasi, Jadual dan Carta Pai	viii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan dan Matlamat Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	3
1.4 Metodologi Kajian	4
1.4.1 Pencarian Maklumat	5
1.4.2 Temubual	5
1.4.3 Soal-selidik	6
1.4.4 Pemerhatian	6
1.5 Hipotesis	7
1.6 Penutup	8

BAB 2 : PENULISAN DAN PENYELIDIKAN YANG BERKAITAN

2.1 Pengenalan	10
2.2 Definisi Hotel	10

2.3 Hotel Equatorial	11
2.3.1 Sejarah Ringkas Penubuhan Hotel di Malaysia	11
2.3.2 Sejarah dan Perkembangan Hotel Equatorial	13
2.3.3 Perkembangan di Masa Hadapan	20
2.3.4 Komitmen dan Falsafah	21
2.3.5 Carta dan Badan Organisasi	26
2.4 Badan-Badan Organisasi Hotel Equatorial	27
2.4.1 Ringkasan Mengenai Perkhidmatan dan Kemudahan Utama di Hotel Equatorial Bangi	30

BAB 3 : ANALISIS DATA / MAKLUMAT

3.1 Pengenalan	33
3.1.1 Penerusan Kepada Identiti Korporat	34
3.2 Definisi Identiti Korporat	35
3.2.1 Elemen- Elemen Pada Identiti Korporat	38
3.3 Logo Dan Imej Hotel Equatorial	39
3.3.1 Logo Hotel Equatorial	39
3.3.2 Piawaian Warna dalam Logo	43
3.4 Identiti Korporat – PERSEKITARAN (<i>enviroment</i>)	45
3.4.1 Lokasi Hotel	45
3.4.2 Lobi Hotel dan Persekutaran	47
3.4.3 Lanskap	48